

CLOVATE CREAM

Clobetasol propionate (0.05%w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Clovate*
2. Bagaimana *Clovate* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Clovate*
4. Cara menggunakan *Clovate*
5. Semasa menggunakan *Clovate*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Clovate*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Clovate*

Clovate digunakan untuk penyakit kulit seperti psoriasis (tompok tebal, radang, merah, selalunya diliputi sisik perak), ekzema yang susah dirawat, *lichen planus* (ruam rata merah-ungu yang gatal pada pergelangan tangan, lengan atau bahagian bawah kaki) dan *discoïd lupus erythematosus* (mengakibatkan parut dan sensitiviti kepada cahaya matahari).

Bagaimana *Clovate* berfungsi

Clovate mengandungi clobetasol propionate, sejenis steroid yang mengurangkan bengkak dan iritasi. Ia juga membantu mengurangkan kemerahan dan kegatalan dalam sesetengah masalah kulit.

Sebelum menggunakan *Clovate*

- *Bila tidak boleh menggunakan*
 - jika ada alahan terhadap clobetasol propionate, steroid lain dan ramuan-ramuan lain produk.
 - balutan pada bahagian badan yang luas
 - jangkitan (bakteria atau kulat)
 - jangkitan virus kulit (herpes simpleks, cacar air), terutamanya pada mata
 - rawatan kemerahan dan jerawat
 - penggunaan sembarangan untuk kegatalan (sekeliling dubur atau genital)
 - ulser kaki
 - keradangan kulit sekeliling mulut

- Sebelum mula menggunakan

Risiko dan manfaat penggunaan perlu dipertimbangkan jika digunakan dalam masalah perubatan berikut: jangkitan atau ulser pada bahagian berkenaan, luka virus, penyakit kencing manis dan tuberkulosis (jangkitan bakteria yang biasanya memberi kesan kepada paru-paru).

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walau bagaimanapun, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat di bawah:

- barbiturates, carbamazepine, phenytoin

- dan primidone (untuk sawan)
- rifampicin (antibiotik)
- thiazides dan frusemide (untuk lawas kencing)
- ubat anti-radang bukan steroid dan salicylates (untuk sakit)
- anticoagulants (untuk mengelakkan bekuan darah)
- ubat untuk penyakit kencing manis
- ubat untuk penyakit tekanan darah tinggi

Cara menggunakan *Clovate*

- Berapa banyak harus diguna

Dos biasa dewasa : Sapu pada kulit dua kali sehari, hingga 50 grams seminggu. Kanak-kanak bawah 12 tahun – tidak digalakkan.

- Bila perlu diguna

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu diguna

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi. Jangka rawatan terhad kepada 14 hari. Rawatan untuk kanak-kanak lebih daripada 2 minggu dan dos yang melebihi 1 atau 2 kali sehari perlu dinilai dengan teliti oleh doktor.

- Jika terlupa mengguna

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

- Jika mengguna berlebihan(terlebi dos)

Jika terlebi dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan *Clovate*

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil. Penggunaan jangka panjang harus dielakkan, terutamanya kanak-kanak.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak, elak penggunaan ubat kecuali atas arahan doktor. Penggunaan berlebihan atau berpanjangan mungkin mengakibatkan kelainan pada janin. Tidak dapat dipastikan sama ada *Clovate* terdapat dalam susu ibu.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan lebih nyata jika balutan digunakan, bertambah teruk dengan ubat berbahan kimia florida. Jika steroid yang disapu diserap ke dalam badan, sindrom *Cushing* (muka bengkak dan bulat, kulit

nipis dan mudah berlebam dan pertumbuhan rambut muka), paras tinggi glukosa dalam darah dan kehadiran glukosa dalam air kencing mungkin berlaku jika digunakan untuk jangka panjang. Jika berlaku sebarang kesan sampingan serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan *Clovate*

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim warna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: clobetasol propionate
- Bahan tidak aktif: paraffin cair, cetomacrogol emulsifying wax, (lipowax), methyl parabens, propyl parabens dan air.

- Nmbor MAL

MAL19973016AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

30/06/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)210617/00146